

# Pelajar IPT harus sebar bahaya dadah

UB 07.04.2012 A5

KOTAKINABALU: Pelajar di institusi pengajian tinggi digesa menjadi medium untuk menyebarluas maklumat tentang bahaya dadah.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Azizah Moh Dun berkata, perkara itu boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti kemasyarakatan oleh universiti dan persatuan pelajar.

“Pelajar IPT adalah teladan kepada masyarakat. Jadi, gunakan kesempatan ini untuk menyampaikan mesej bahaya dadah kepada masyarakat,” katanya.

Menyifatkan golongan muda sebagai aset dan masa depan negara, Azizah

berkata, adalah sesuatu yang merugikan sekiranya golongan ini terlibat dengan aktiviti negatif.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan program Cekal Pencegahan Dadah peringkat IPT Sabah, di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Khamis.

Beliau juga meminta pemantauan serius dilaksanakan bagi mengelakkan golongan muda di negeri ini terjebak dengan dadah.

“Saya nasihat kepada semua, jauhilah dadah.

Dadah bukan sahaja merosakkan kesihatan malah memusnahkan kehidupan secara keseluruhan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memuji penganjuran program yang memfokuskan kepada golongan muda di IPT.

Sementara itu, beliau berkata, Pemadam selaku badan bukan kerajaan, terus berusaha memberi kesedaran tentang penyalahgunaan dadah.

“Agensi Anti Dadah Kebangsaan Sabah juga telah mewujudkan Klinik Care & Cure di Puspen Papar dan Mini C&C di Keningau yang menggunakan kaedah perkhidmatan akses terbuka.

“Konsep ini membolehkan AADK mendekati bukan sahaja golongan ketagih dadah, tetapi juga alkohol dan perokok tegar,” katanya.



AZIZAH menyampaikan sijil penyertaan kepada wakil dari Kolej ASEANA.